



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 27 MAC 2022**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|-----|---|---|
| 1. | MAFI SASAR BANTU 750 USAHAWAN MUDA MELALUI GERAN AGROPRENEUR, UM -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | IKAN EMPUK CRISPY, MINGGUAN MALAYSIA -ONLINE | LAIN-LAIN |
| 3. | PJKM DILEBARKAN KE PARLIMEN IGAN, MINGGUAN SARAWAK -ONLINE | |
| 4. | RAKYAT SARAWAK DISERU REBUT PELUANG BERJIMAT PADA PJKM, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE | |
| 5. | MOBOLE FARMERS MARKET AT LRT STATION, SIN CHEW DAILY -ONLINE | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------------|----------------------------|---------------|---------------|
| 27/3/2022 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

MAFI sasar bantu 750 usahawan muda melalui Geran Agropreneur



AHMAD Hamzah (kiri) melawat gerai pameran agensi kerajaan pada Program Jelajah Agropreneur Muda di RTC Gopeng, Perak, hari ini. - UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

GOPENG: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan untuk membantu 750 usahawan muda melalui pembiayaan Geran Agropreneur Muda (GAM) pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, peruntukan RM15 juta disediakan di mana penerima mendapat bantuan dalam bentuk barang sehingga RM20,000.

Katanya, bantuan tersebut mampu meningkatkan produktiviti sekali gus menambah pendapatan golongan berkenaan.

"Bantuan ini juga dapat membantu mereka mengurangkan kos permulaan dan pengembangan projek-projek pertanian serta agro makanan.

"Sejak 2016 hingga tahun lalu, MAFI telah meluluskan bantuan GAM kepada 7,699 usahawan di seluruh negara membabitkan pembiayaan bernilai RM137.71 juta.

"Di Perak sendiri, seramai 976 usahawan muda menerima bantuan sama berjumlah RM13.57 juta," katanya ketika berucap pada Program Jelajah Agropreneur Muda (JAM) di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Bekalan Makanan negeri, Razman Zakaria, Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Zainal Abidin Yang Razali dan Setiausaha Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani, Kamal Badrin Hassan.

Sementara itu, Ahmad berkata, program JAM berfungsi sebagai pusat sehenti bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi usahawan dalam sektor pertanian.

Menurutnya, program yang berlangsung selama dua hari itu juga bagi membantu serta menggalakkan penglibatan golongan muda di dalam sektor agro makanan merangkumi bidang di sepanjang rantai nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani.

"Program ini juga bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan perniagaan dan pembiayaan usahawan di mana MAFI melalui jabatan dan agensi di bawahnya turut dilibatkan bagi membantu usahawan secara terus.

"Malah, menerusi program ini, ia dapat menyelesaikan pelbagai perkara yang tertangguh terutama mengenai pelan perniagaan dan pembiayaan," katanya. – UTUSAN

27 MAR, 2022

Ikan Empuk Crispy

Minguan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 3

30

MINGGUAN MALAYSIA
AHAD • 27 MAC 2022

Sastera

Oleh HUSSIN SAHARUDDIN



ILLUSTRATION: SAWATI HUSSEIN

Ikan Empuk Crispy

Cerpen

“TUAN-TUAN dan puann-puan, seperti yang telah saya nyatakan tadi bawah perusahaan kami ini adalah perusahaan inovasi. Produk yang kami hasilkan ini adalah produk yang belum ada di pasaran. Produk yang akan memasuki pasaran ini

ialah produk baru. Sudah semestinya tugas utama kami adalah memperkenalkan produk dan sekali gus memasarkannya di pasaran tempatan terlebih dahulu. Hari ini saya menjemput tuan-tuan dan puann-puan untuk merasakan keenakan produk ini.” Hashim melanjutkan ucapannya selaku pengurus majlis.

“Lagi sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Encik Yahaya Wan Chik, Ahli Dewan Undangan

Negeri kawasan kita ini, Tok Penghulu, Encik Hilman, pegawai dari LKIM, Encik Nizar dari Fama Kawasan, Puan Nora, selaku pegawai yang bertanggungjawab dalam memajukan para nelayan

dalam bidang keusahawanan. Dan, tidak lupa kepada Encik Abdul Rahman, Ketua Kampung Pasir ini yang gigih memberi sokongan kepada kami, dan yang paling penting sumbangannya mewujud

makanan, khemah dan sistem pembesar suara untuk majlis hari ini. Hanya Allah sahaja yang akan memberikan ganjaran kepada beliau. Saya dengan ini mempersilakau tuan dan puann merasmikan hidangan pagi ini dan sekali gus menikmati keenakan ikan empuk crispy yang kami sediakan. Dipersilakau.”

Hashim menghampiri YB dan jemputan khas lain dan mengiringi mereka ke tempat makan yang telah dikhaskan. YB seperti ingin mengatakan sesuatu, tetapi Hashim horkait dengan pantas - “Mari kita cuba ikan empuk kami ini.” Saat itu mempersilakau dituduk di meja hidangan.

Para jemputan nampaknya macam tidak sabar-sabar untuk merasa ikan empuk tersebut.

“Ini boleh dimakan terus

27 MAR, 2022

Ikan Empuk Crispy

Mingguan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 3

ke?" YB, seperti ragu-ragu. Beliau membelek-belek ikan tersebut.

"Ya," Hashim pantas menjawab, "Semua kepala, tulang sirip dan ridip dah rapuh dan garing. Rempah ratus yang meliputi ikan jadikan ikan itu berperisa dan rangup. Itu sebab dipanggil empuk dan crispy."

"Amat sesuai untuk dijadikan sebagai dessert," YB Yahya memberi komen.

Dua bulan lalu,

Hashim datang ke Kampung Pisir untuk menikmati suasana kampung nelayan yang dikelilingi sungai yang mengalir deras. Di kampung ini terdapat beberapa batang sungai yang mengalir ke laut yang tidak jauh dari situ.

Penduduk di sini bekerja sebagai nelayan. Nelayan pesisir laut yang menggunakan sampan dengan motor sangkut yang mempunyai kuasa kuda antara 15 ke 30 kuasa kuda.

Semasa air pasang mereka menangkul ketam dengan menggunakan potongan ikan duri sebagai umpan. Bila air mati, laut tenang, mereka merawai ikan pari. Masa air mati, ketain tidak keluar dari lobangnya. Keadaan sebegini menarik perhatian Hashim untuk mendekati lagi para nelayan di kampung ini.

"Menjaring ke, memukat atau memancing tak buat ke?" Hashim mengajukan soalan kepada Pak Jamaludin yang sedang menggulung rokok daun.

"Itu buat penat saja. Tangkul, ketam harga mahal," sambil dia menghidupkan pemerkik api. Tanpa menyucui api ke rokoknya dia menyambung - "Memang masa air mati ketam tak ada, tapi masu itu pulak kita pasang rawai tangkap ikan pari."

"Habis ikan belanak tak nak tangkap?" Tanya Hashim.

"Huishhh... ikan belanak, buang ikan dekat pukat pun berjam-jam. Buang masa. Lepas itu bukan ada harga," Jawab Pak Jamaludin.

Hashim melongo.

Pagi itu selepas berbual dengan Pak Jamaludin, Hashim keluar ke jalan utama kampung itu. Di bawah pokok nangka kelihatan beberapa orang sedang duduk berhuas. Hashim menghampiri.

Selepas memberi salam Hashim terus berkata, "Nama saya Hashim, saya dari Kuala Lumpur, saya nak bertanya, adalah di kawasan ini ada rumah kosong untuk saya sewa."

"Tak ada lah, semua rumah di sini ada orang duduk."

"Bukan saja orang duduk. Berasak-asak macam sardin



Huishhh... ikan belanak, buang ikan dekat pukat pun berjam-jam. Buang masa. Lepas itu bukan ada harga."

pun ada." Sampuk yang lain.

"Rumah yang tak siap ini adalah. Pintu pun tak ada." Sampuk seorang suri rumah yang berumur dalam lingkungan 35 tahun.

"Puan ini nama apa?"

"Nama saya Hadiza." Sambil menoleh ke arah seorang lelaki di sampingnya dia menyambung "Ini suami saya, namanya Zaidi."

"Apa puan sudi membenarkan saya duduk di rumah ini?" tanya Hashim.

"Boleh saja, tapi saya tak sampai hati memberi tuan duduk di rumah yang tak siap lagi itu. Pintu pun tiada. Lantai simen kasar, berdebu," ujar Hadiza. Dia dan suaminya mengiringi Hashim masuk ke dalam rumah tersebut.

"Encik tengoklah sendiri, memang tak sesuai untuk duduk."

"Tak apa," ujar Hashim. "Kalau puas benarkan, saya suka duduk di sini."

"Biar betul?" soalnya.

"Betul." Hashim berkata dengan yakin. "Berapa sewanya?" Tanya Hashim.

"Tak payah sewa. Duduk saja lah. Nanti saya bersihkan bilik itu."

Hashim balik ke hotel penginapannya.

Petang itu Hadiza membersihkan bilik itu. Ketika Hashim sampai, bilik itu telah dibersihkan dan ada sekeping karpet terbentang di tepi dinding bilik itu. Hashim meletakkan beg pakaiannya dan membentangkan toto di atas karpet.

Malam itu selepas makan malam, Hashim, Hadiza dan suaminya, Zaidi duduk di atas tikar, sambil berbual-bual. Perbualannya lebih kepada memperkenalkan diri masing-masing.

Sampaiah ke satu peringkat perluasan, Hadiza meluahkan kesedihannya tentang kesempitan hidup dialami yang berpunca daripada wabak Covid-19 yang melanda keluarganya. Dia kehilangan ayah dan adik yang sedang mengandung, sementara suami pula diberhentikan kerja akibat pandemik ini. Entah bagaimana Hashim

mendapat idea untuk memberikan semangat agar Hadiza dapat mengetepikan kesedihan dan fokus menghadapi masa depan.

Setelah beberapa ketika Hashim memberikan sedikit kata-kata nasihat dan semangat, Hashim berkata - "Saya mempunyai satu idea untuk kita mulakan satu produk untuk kita niagakan." "Bunyi macam besar?" cebah Hadiza.

"Besar! Tapi dia bermola dengan kecil."

Hadiza diam tapi menunggu dengan penuh minat.

"Kita keluarkan satu produk dari bahan murah. Tadi Pakcik Jamaludin ada beritahu di tempat ini ikan belanak ada banyak."

"Kami sudah usahakan dulu, kami buat ikan masin belanak," kata Hadiza.

"Ini bukan ikan masin. Ia satu produk baru. Kita buat snek ikan belanak, ikan belanak yang gebu dan rangup. Boleh dimakan begitu saji."

"Hmm, tak pernah dengar, ikan belanak durinya tajam."

"Elok kita cuba buat. Boleh dapatkan belanak tak? Dalam dua kilo?"

"Boleh," jawab Hadiza.

Esoknya Hashim pergi ke pekan membeli periuk tekanan dan dapur gas serta rempah ratus. Lalu bermulalah hari baru buat Hadiza, apabila hari itu mereka masak ikan belanak untuk menjadi ikan belanak yang empuk, setelah seuk, ikan itu digoreng, maka semuanya sirip, sisik dan kepala ikan itu menjadi rangup.

"Apa nak kita namakan masakan ini?" tanya Hadiza.

"Ikan Empuk Crispy" Hashim berkata dengan yakin. Hari ini pada 27 Mac, 2022, Kami bertiga melancarkan produk baru, ikan empuk crispy dengan jenama "HADIEZA".

Yang Berhormat En. Yahaya Wan Chik dalam ucapannya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kerana berjaya menghasilkan produk berjenama HADIEZA, yang sekali gus merupakan produk yang baru dan tiada dalam pasaran.

Semoga produk HADIEZA ini berjaya membuka pasaran dan menjadikan produk *Ikan Empuk Crispy* sebagai makanan kegemaran rakyat Malaysia dan mungkin seluruh dunia.

Selamat maju jaya. Yang Berhormat mengakhiri ucapannya dan sebelum bergerak ke tempat duduk, beliau menyerahkan sekeping cek kepada Hadieza tanda sokongannya terhadap usaha tersebut.

27 MAR, 2022

Ikan Empuk Crispy

Mingguan Malaysia, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

< x x < P|| gf§

makanan, khemah dan sistem pembesar suara untuk majlis hari ini. Hanya Allah sahaja yang akan memberikan ganjaran kepada beliau. Saya dengan ini mempersilakan tuan dan puan menikmati hidangan pagi ini dan sekali gus menikmati keenakan ikan empuk crispy yang kami sediakan. Dipersilakan." Hashim menghampiri YB dan jemputan khas lain dan mengiringi mereka ke tempat makan yang telah dikhaskan.

27 MAR, 2022

PJKM dilebarkan ke Parlimen Igan

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

PJKM dilebarkan ke Parlimen Igan

MATU: Pejabat Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Cawangan Mukah dengan kerjasama dari Lembaga Pemasaran Pertanian (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta rakan strategik Le Heng Mini Market semalam melaebarkan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Parlimen Igan bertempat di Medan Niaga Matu dari 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Menurut kenyataan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Cawangan Mukah, sumbangan pengguna dan peniaga di kawasan Parlimen Igan adalah sangat menggalakkan dan maklum balas pengunjung yang dilerima rata-raya menyambut baik serta meminta PJKM dilaksanakan secara berkala.

Program yang telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen P207 Igan, Ahmad Johnie Zawawi,

wi. ini menawarkan harga barang keperluan sehingga 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran setempat. "Penduduk digalakkan untuk merebut peluang ini dalam merancang pembelian keperluan rumah dan sebaiknya berjimat daripada tawaran yang diberikan" katanya. Kelika merasmikan PJKM.

Beliau turut mengingatkan semua peniaga agar sentiasa berusaha mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan.

Katanya, Pegawai Pengurusan KPDNHEP akan terus melaksanakan pemeriksaan dan pemeriksaan bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan mencukupi untuk memenuhi keperluan orang ramai.

Beliau juga meneran kepada orang ramai, bagi sebarang dan aduan, boleh menyuruh ke talian WhatsApp



TINJAU... Ahmad Johnie Zawawi bersama Rozli Likom meninjau barang keperluan yang dijual di PJKM di Medan Niaga Matu.

di talian 019-2794317, aplikasi ez-Adu atau melalui e-mel ke e-aduan@kpdnhep.gov.my.

Turut hadir, Rozli Likom, mewakil Ketua Cawangan KPDNHEP Bahagian Mukah,

wakil rakan strategik Long Heng Mini Market dan wakil dari agensi dan jabatan.



27 MAR, 2022

PJKM dilebarkan ke Parlimen Igan

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

MATU: Pejabat Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Cawangan Mukah dengan kerjasama dari Lembaga Pemasaran Pertanian (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta rakan strategik Lo Heng Mini Market semalam melebarkan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Parlimen Igan bertempat di Medan Niaga Matu dari 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

27 MAR, 2022

Rakyat Sarawak diseru rebut peluang berjimat pada PJKM

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Rakyat Sarawak diseru rebut peluang berjimat pada PJKM

KUCHING: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) diadakan serentak di Gedong, Serian, Medanit, Limbang, Marudi, Baram, Sebayan, Batang Lupar, Saratok, Tanjung Manis, Igan dan Mukah semalam dan hari ini.

Justeru, penduduk setempat digalak hadir ke lokasi program untuk memikniati barang-an pada harga sehingga 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sarawak telah melaksanakan PJKM di semua 31 kawasan Parlimen di negeri ini.

"Lebih daripada 95 lokasi dijalankan PJKM meliputi Kuching, Sri Aman, Saratok, Sibu, Mukah, Belaga, Bintulu, Miri, Limbang, Batang Lupar, Baram, Tanjung Manis, Saratok, Igan, Kabong, Kapit, Santubong, Samarahan, Serian, Kota Samarahan, Sibut, Bau, Lundu, Stutong, Kanowit, Song, Puncak Borneo dan Lawas," kata Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDHNHEP) Negeri Sarawak, Datuk Stanley Tan menutusi satu kenyataan semalam.

PJKM dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Ya-



PANTAU: Pegawai Penguar Kuasa KPDNHEP mengadakan pemeriksaan pada Program Jualan Keluarga Malaysia di Gedong semalam.

kob pada 2 Disember 2021.

Stanley berkata, sambutan pengguna dan peniaga di semua lokasi PJKM di Sarawak terus menunjukkan peningkatan dan sehingga 20 Mac lalu, jualan keseluruhan yang direkodkan mencecah RM2.518 juta.

Menurutnya, orang ramai rata-rata menyambut baik dan meminta PJKM diteruskan secara berkala kerana ia mampu meringankan kos sara hidup rakyat dalam situasi sekarang.

Sehubungan itu katanya, KPDNHEP Negeri Sarawak menggerakkan cawangan-cawangannya di seluruh negeri untuk menjayakan PJKM dengan kerjasama agensi-agensi dari Kementerian Per-

tanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Menurutnya, PAMA, LKIM dan rakan strategik sektor peruncitan dari Everwin, Lee Hong Company, Nam Leong Departmental Store dan Family W'Sdn Bhd adalah antara yang turut serta dalam PJKM edisi kali ini.

Justeru, beliau menggalakkan rakyat Sarawak terutama di lokasi di Parlimen yang dinyatakan untuk merebut peluang berjimat dalam pembelian barang keperluan rumah yang ditawarkan di PJKM seperti ayam, makanan laut, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras dan lain-lain.

Beliau turut mengingatkan

semua peniaga agar sentiasa beretika serta mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan.

Sementara itu katanya, seramai 176 Pegawai Penguar Kuasa dan 101 Pegawai Pemantau Harga KPDNHEP di seluruh Sarawak akan terus melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan tiada elemen pentakut terhadap barang di pasaran.

Untuk pertanyaan lanjut dan aduan, orang ramai boleh menyulurkannya ke talian WhatsApp 019-2794317, aplikasi ez-Adu, e-mel kepada e-aduan@kpdnhep.gov.my atau pejabat-pejabat cawangan KPDNHEP terdekat.

27 MAR, 2022



Rakyat Sarawak diseru rebut peluang berjimat pada PJKM

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Program Jualan Keluarga Malaysia (PKJM) diadakan serentak di Gedong, Serian, Medamit Limbang, Marudi Baram Sebuyau Batang Lupar, Saratok, Tanjung Manis, Igan dan Mukah semalam dan hari ini. Justeru, penduduk setempat digalak hadir ke lokasi program untuk menikmati barang pada harga sehingga 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran."Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sarawak telah melaksanakan PKJM di semua 31 kawasan Parlimen di negeri ini.



27 MAR, 2022

Mobile farmers market at LRT station

Sin Chew Daily, Malaysia

Page 1 of 2



輕快鐵站助農業商家增收入 又設流動市集

(首都市26日讯)为了推广雪州农业产品，并帮助农业商家增加收入来源，雪州农业局、本地农产品商家Yugi Fresh、国家基建公司旗下的Rapid KL、子公司PRIDE、联邦农业销售局(FAMA)等多个单位，将陆续在巴生河流域的轻快铁站设立流动农贸市场。



菲爾道斯：農場直送更新鮮 首席执行官莫非尔道斯今早在布特拉高原轻快铁站(LRT Putra Height)举办的Yugi Fresh推介活动上表示，相关的流动农贸市场除了可以帮助本地商家，也能让前去乘坐交通工具的乘客更方便地直接买到有需要的农产品和食品。同时，也能让购物者购买农场价卖出的物品，更省钱。

他续，该活动除了可以惠及商家，也能惠及消费者，因为所有的农产品都是农场直送，物品新鲜外，也没有中间商的差价。

“我也呼吁所有乘客趁机购物，大众也可以以购买公共交通证如MY50人限通行证或M-Cards通行证的方式到来市集消费，也能间接的节省开销。”

他表明，国家基建公司的多个单位将会持续给予商家所需要的支持，尤其是协助推广中小型企业和小贩的物品。

他说道，旗下的公交站点都各自其地理和空间优势，可以成为商家“施展”的平台。



本地农产品商家Yugi Fresh到布特拉高原轻快铁站举办推介活动，并将在接下来到其他轻快铁站设立流动农贸市场。左起为菲尔道斯、阿扎哈、艾尤达米尔和雅蒂哈米埃及。(林明辉摄)

阿扎哈促业者申请大马良好农业规范(myGAP)认证，也鼓励更多农民维持有系统的耕种方法，出产安全食用的产品，提升整体食品安全。(林明辉摄)

阿扎哈：設課程讓業者掌握技巧

柔佛农业局局长阿扎哈三月也说，该局将持续支持雪州农产品，并设有课程让相关业者或有兴趣的民众可以实际掌握种植和行销技巧。

他促业者申请大马良好农业规范(myGAP)认证之余，也鼓励更多农民维持有系统的耕种方法，出产安全食用的产品，提升整体食品安全，也建议符合资格者申请清真(Halal)认证。

阿扎哈也表示，他很鼓励今日活动现场的16个农产品商家申请myGAP认证，其中一些商家已经申请相关认证，并相信可以在不久后获批。

阿扎哈也指出，该局也拥有数个策略以更好的发展雪州的农业，包括提升和提升农产品食品安全。结合科技发展更好的种植技术，注重特别地区性的产品(produk fokus)，以及提供相关的培训和课程等。

艾尤達米爾：降低物價惠及消費者

Yugi Fresh创办人艾尤达米尔也在推介活动现场分享自身的经验，并表示打造这样的生意是她一直以来的梦想，尤其看到市场上的一些农产品十分之昂贵时，她就认为她本身应该可以通过自己的方式来降低物品价格，惠及消费者。

也是本地艺人的艾尤达米尔指出，她并不惧怕别的业者“指责”她的物品的售价定得太低，破坏市场，因为这本是她的创业理念，也是她的经营模式，并认为各个商家都有不一样的生意经营手法，即使是竞争也是良性的。

她也透露，流动农贸市场并不会止步于布特拉高原轻快铁站，接下来的计划是到不一样的公交车站和平台进行。

另一方面，从事保健及美容产品商家Janne Mak Dara创办人莫哈末哎达维也说，艾尤达米尔和他虽然在疫情期间遇到很多的挫折和挑战，但他们互相鼓励交换意见也终于取得了阶段性的成功，并鼓励大众继续保持正面的心态来面对生活和未来。



27 MAR, 2022

Mobile farmers market at LRT station

Sin Chew Daily, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

(首都市26日讯)为了推广雪州农业产品，并帮助农业商家增加收入来源，雪州农业局、本地农产品商家Yugi Fresh、国家基建公司旗下的RapidKL、子公司PRIDE、联邦农业销售局(FAMA)等多个单位，将陆续在巴生河流域的轻快铁站设立流动农贸市集。本地农产品商家Yugi Fresh到布特拉高原轻快铁站举办的推介活动，并将在接下来到其他轻快铁站设立流动